**ENAKMEN 6 TAHUN 1991**
**ENAKMEN KESALAHAN SYARIAH (NEGERI MELAKA) 1991**

**BAHAGIAN II - KECUALIAN AM**

---

## Seksyen 17. Kerelaan yang diketahui diberi dalam keadaan takut atau salah faham.

Kerelaan bukanlah suatu kerelaan yang dimaksudkan oleh mana-mana seksyen di dalam Enakmen ini:

(a) Jika kerelaan itu diberi oleh seseorang dalam keadaan takutkan bencana atau dalam keadaan salah faham tentang kenyataan, dan jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui, atau ada sebab mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi oleh sebab ketakutan atau salah faham itu; atau

(b) Jika kerelaan itu diberi oleh seseorang yang, oleh kerana akalnya tidak sempurna, tidak boleh memahami akan keadaan dan akibat apa yang ia relakan itu, ataupun jika kerelaan itu diberi oleh seseorang yang berumur kurang daripada lima belas tahun, melainkan sebaliknya ternampak daripada kandungan ayatnya.

---